

14 SEP 2003

Zaharah-PBT

PBT DIMINTA BERI KERJASAMA SEDIAKAN PUSAT PENJAGAAN KANAK-KANAK

KUANTAN, 14 Sept (Bernama) -- Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat meminta kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) supaya mewujudkan pusat penjagaan kanak-kanak di setiap kawasan perumahan sebagai kemudahan bagi penduduk di kawasan tersebut.

Menterinya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata pusat jagaan tersebut hendaklah dibina di kawasan lapang di setiap kawasan perumahan yang mempunyai bilangan penduduk tidak kurang dari 500 orang penduduk.

"Peruntukan untuk kemudahan tersebut perlu diletak sama ada di pihak PBT ataupun pemaju sendiri, tapi mesti ada satu jangka masa yang ditetapkan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Universiti Turun Ke Desa yang disertai oleh 24 orang pelajar daripada Universiti Islam Antarabangsa di Felda Sungai Panching Selatan di sini hari ini.

Katanya dalam hal ini ada terdapat sesetengah pemaju yang prihatin dan dengan sendirinya menyediakan kemudahan tersebut tetapi, ada juga sebahagiannya meletakkan tanggungjawab tersebut kepada PBT.

"Setiap kawasan perumahan memang ada kawasan lapang, tetapi disebabkan kelewatan sesetengah pihak, kawasan yang sepatutnya dibangunkan dengan pusat penjagaan kanak-kanak sebaliknya dibangunkan dengan taman permainan," katanya.

Zaharah berkata pada masa ini pihak PBT sedang berusaha untuk memastikan setiap kawasan perumahan mempunyai sebuah pusat penjagaan kanak-kanak bagi kemudahan ibubapa yang bekerja.

Beliau berkata kemudahan pusat penjagaan tersebut penting bagi memastikan kebajikan kanak-kanak sentiasa terjamin, dan kewujudannya mestilah selaras dengan model yang seperti yang telah ditetapkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sementara itu Zaharah berkata kementeriannya akan mewujudkan pusat Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT) bagi golongan orang kurang upaya bagi membantu golongan tersebut dalam semua aspek terutamanya yang berkaitan dengan teknologi maklumat (IT).

"Sebuah pusat untuk kemudahan pembelajaran ICT akan diwujudkan bagi membantu mereka yang kurang berupaya dalam semua aspek terutamanya dalam bidang teknologi maklumat," katanya.

Bagaimanapun katanya perkara tersebut masih lagi diperingkat kajian bagi memastikan kemudahan tersebut benar-benar memberi kesan kepada golongan tersebut.

-- BERNAMA

LIB AZH